

09/08/1997

Tingkat hasil pertanian, bendung inflasi

Nik Yahya Abd Rahman

SUDAH semestinya dan tidak syak lagi seperti dijangkakan yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan membawa pulang bersama-sama `buah tangan istimewa' untuk rakyat negara ini. Biarpun dalam `mood' bercuti, namun Dr. Mahathir tidak pernah lupa tanggungjawabnya sebagai orang nombor satu - yang di bahunya perlu memikul pelbagai harapan rakyat. Buah tangan istimewa yang dimaksudkan seperti yang diumumkan oleh beliau; kerajaan akan memperkenalkan pendekatan baru dalam sektor pertanian dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai meningkatkan kecekapan serta mengurangkan pergantungan kepada pekerja-pekerja asing.

Katanya, pendekatan baru tersebut berdasarkan pengalaman beliau ketika melawat beberapa negara termasuklah Jepun dan England sepanjang percutian selama dua bulan itu. Beliau memberi contoh England, yang tidak menggunakan tenaga pekerja yang ramai untuk mengurus dan mengusahakan ladang yang luas (beribu-ribu hektar). Cara mereka bertani berbeza dengan kita yang masih mengikut cara lama, bilangan pekerja yang ramai dan tidak efisien, namun berjaya mengeluarkan produktiviti yang tinggi.

Sesungguhnya, saranan Perdana Menteri menggembirakan para peladang, penternak dan nelayan. Lebih-lebih lagi, mereka menyambut Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1997 pada 7 Ogos di Kuala Terengganu, Terengganu. Acara itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tahun lalu, acara yang sama telah disambut di Muar, Johor dan dirasmikan oleh Anwar. Beliau telah mengumumkan yang jabatan/agensi pembangunan pertanian tidak akan diperbesarkan lagi kerana melibatkan peruntukan yang tinggi, sebaliknya peruntukan tersebut akan disalurkan secara terus kepada pertubuhan-pertubuhan peladang, penternak dan nelayan.

Anwar juga mengumumkan yang kerajaan akan menyalurkan peruntukan bagi peningkatan automasi peladang melalui Bank Pertanian Malaysia (BPM) tahun ini dikenali Skim Pinjaman Mekanisasi dan Automasi Pertanian serta Skim Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra bernilai RM170 juta. Skim berkenaan sebagai pelengkap kepada dana yang sedia ada dikenali Tabung Untuk Makanan (TUM) bernilai RM600 juta, dengan syarat pinjaman yang mudah dan kadar faedah yang rendah (empat peratus setahun) serta tempuh bayar sehingga lapan tahun.

Kita sedar bahawa segala yang dirancang dan dilaksanakan kerajaan adalah untuk membangunkan negara disamping kesejahteraan rakyat. Lebih dari itu, dengan pertumbuhan ekonomi negara yang cukup memberangsangkan - 8 peratus setahun sejak 1988 lagi akan mempercepatkan proses pencapaian gagasan perdana, Wawasan 2020 yang di ilhamkan oleh Dr. Mahathir.

Keadaan yang selesa dan rekod yang cemerlang itu secara langsung memberi kesan besar kepada perkembangan negara kita yang dulunya terlalu bergantung kepada sumbangan sektor pertanian terutamanya hasil-hasil komoditi pertanian seperti getah, kelapa sawit, lada hitam dan koko kepada sektor perindustrian (sama ada industri berat ataupun ringan) yang telah berkembang pesat. Dengan hal yang demikian, ianya menuntut sektor pertanian negara melangkah seiring dengan perkembangan itu.

Justeru, Dr. Mahathir menyarankan agar pihak-pihak yang berkaitan mengadakan suatu reformasi menyeluruh terhadap mekanisma dan pendekatan dalam sektor pertanian. Katanya, melalui perubahan paradigma ke atas pelbagai program dan dasar yang berkaitan akan meningkatkan penggunaan hasil-hasil pertanian melalui pemprosesan (pertambahan nilai) disamping

ianya akan mengurangkan tahap kebergantungan negara kita kepada pengimportan makanan dari negara lain, yang hampir mencecah RM8 ribu juta (1995).

Menyedari hakikat berkenaan, Kementerian Pertanian telah mengambil langkah wajar di mana di dalam Rancangan Malaysia Ke-Tujuh (RMK-7), pelbagai hala cara, falsafah dan konsep baru pembangunan pertanian dengan penumpuan kepada peningkatan produktiviti hasil-hasil pertanian negara daripada konsep kegunaan sendiri kepada pertanian komersil sedang diambil. Melalui cara itu, kementerian berkenaan yakin, hasil-hasil pertanian negara akan dapat ditingkatkan untuk dieksport dan tentunya memberikan pulangan yang tinggi kepada pengusahanya. Bersesuaian dengan harapan itu, tema perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 1997 "Bersama Meningkatkan Hasil Pertanian serta Membendung Inflasi" yang telah dipilih oleh Kementerian Pertanian adalah tepat dan jitu.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Dr. Tengku Mahmud Mansor berkata yang kerajaan akan memberi penekanan kepada peningkatan daya produktiviti bagi memenuhi tuntutan pengguna yang semakin bertambah. Dengan jumlah penduduk negara kita telah mencapai angka 21.66 juta orang (1996) tidak termasuk pekerja asing dan pelancong dari luar negara yang melebihi tiga juta orang setahun menuntut kita bekerja lebih kuat untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian dan makanan kepada mereka.

"Lebih dari itu, bagi menangani permintaan bekalan makanan, disamping menjamin bekalannya yang selamat untuk dimakan dan bermutu tinggi, Kementerian Pertanian telah menyusun langkah wajar menerusi galakan penanaman dan pengeluaran hasil-hasil pertanian, pengurusan ladang yang cekap; peningkatan penyelidikan dan pembangunan; penggunaan mekanisasi dan automasi yang canggih; pengklonan biji benih bermutu tinggi; amalan agronomi dan penggunaan teknologi serta pemprosesan hasil-hasil pertanian secara peningkatan nilai (value added)" jelas Tengku Mahmud.

Katanya lagi, disamping langkah-langkah berkenaan, pihak kementerian itu juga memberikan perhatian berat bagi mengurangkan kos pengendalian lepas tuai, menentukan bekalan dan harga hasil-hasil pertanian yang stabil; menyediakan pelbagai kemudahan termasuklah bilik sejuk serta pembekalan maklumat pertanian bersepadu melalui homepage 'Agrolink' yang akan membantu usahawan tani memasarkan hasil-hasil pertanian secara lebih bersistematik.

Menyentuh mengenai peranan untuk menangani inflasi, Tengku Mahmud menjelaskan yang Kementerian itu telah mengambil langkah dan pendekatan berkesan melalui sistem jualan terus hasil-hasil pertanian kepada pengguna. Di antara yang telah dilaksanakan dengan jayanya ialah pembukaan premis perniagaan mini pasar raya peladang, penternak dan nelayan oleh pihak Pertubuhan Peladang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA); pasar raya ikan segar 'Fishmart' di Sentul dan Setapak Indah di Kuala Lumpur oleh Koperasi Pelaburan Nelayan Malaysia Berhad (KPNMB); Pasar raya 'Fresh Foodmart' oleh pihak FAMA di Taman Koperasi Polis Fasa 11, Batu Caves, Selangor; pembukaan pasar basah di perkarangan pejabat-pejabat kerajaan; penjualan ikan berkenderaan 'fish-on-wheel', disamping lebih 140 buah pasar tani di seluruh negara dengan tawaran harga jualan yang jauh lebih murah (iaitu 15-20 peratus) daripada pasar-pasar basah biasa dan pasar-pasar raya swasta, dengan bekalannya yang bermutu, segar serta berkhasiat.

"Dalam menangani inflasi, kita harus memainkan peranan penting agar ianya dapat dibendung segera. Berdasarkan Indeks Harga Pengguna (IHP), kadar inflasi meningkat kepada 3.5 peratus (1996) berbanding 3.4 peratus (1995). Harga barangan makanan telah menyumbang sebanyak 34.9 peratus kepada IHP dan meningkat sebanyak 6 peratus (1996) berbanding 4.9 peratus (1995)".

"Kita sedar bahawa makanan adalah penting, 5.5 ribu juta penduduk dunia

sepatutnya memperolehi makanan yang mencukupi bagi memastikan tubuh badan mereka sihat dan dapat memberikan sumbangan sejagat yang cekap. Justeru, pembangunan sektor berkenaan perlu diberi perhatian istimewa kerana ianya adalah asas kepada pembangunan sektor-sektor lain" ujar Tengku Mahmud lagi.

Cuba kita lihat kepada permintaan ikan sahaja yang terus meningkat setiap tahun. Penggunaan ikan perkapita seorang setahun rakyat Malaysia ialah sebanyak 39 kg (1990), 42 kg (1995) dan dijangka meningkat kepada 52 kg (2000) dan 65 kg (2020). Sementara bekalan padi pula, negara kita perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya 65 peratus (2000) keperluan penduduk dan selebihnya adalah diimport dari luar negara. Begitu juga dengan sayur-sayuran, buah-buahan, minuman ianya telah meningkat sebanyak 49.3 peratus daripada RM1,101.1juta (1995) kepada RM1,644.5juta(1996). Mengulas mengenai imbalan perdagangan barangan makanan negara untuk tahun 1995 berbanding 1996, Tengku Mahmud berkata yang negara kita mengalami defisit sebanyak RMO.2 billion bagi tempoh tiga suku tahun 1996. Bagaimanapun jumlah tersebut adalah berkurangan berbanding dengan defisit RM8.3 billion (1995).

"Sebagai contohnya, defisit import bersih makanan telah meningkat daripada RM2.2 billion pada tempoh Januari - September 1995 kepada RM3.2 billion pada tempoh yang sama tahun 1996. Sementara import bersih bijirin (RM1.6 billion atau 50.9 peratus), hasil tenusu (RMO.6 billion atau 17.2 peratus), gula (RMO.5 billion atau 15.0 peratus) dan sayur-sayuran (RMO.5 billion atau 14.0 peratus) menyumbang lebih kurang 97 peratus daripada defisit barangan makanan bagi tempoh berkenaan. Begitu juga dengan import bijirin gandum, beras dan tepung bijirin, manakala import hasil tenusu khususnya susu, krim dan barangan susu turut mencatat kenaikan", jelas beliau.

Tengku Mahmud memberitahu hanya tiga barangan makanan iaitu kopi, koko, teh dan rempah (RMO.3 billion); dan daging (RMO.1 billion) dan ikan (RMO.003 billion) menunjukkan lebihan (eksport bersih) bagi tempoh Januari - September 1996. Mengenai tema perayaan HPPNK 1997, Tengku Mahmud memberitahu ianya bersesuaian dengan tuntutan semasa, yang perlu diterjemahkan dan diperjelaskan ke seluruh negara, agar difahami dan diterapkan di dalam usaha seharian para peladang, penternak dan nelayan secara berterusan.

Di pihak kerajaan, katanya Kementerian Pertanian telah mengambil langkah bijak dengan menggubal kembali Dasar Pertanian Negara (DPN) secara lebih terarah dan berhemat.

Pindaan kali ini berdasarkan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika berucap di Forum Pertanian Asean tahun 1995.

(END)